"Furthermore, price control does not work when external conditions are unstable and beyond the government's control, as any person will not engage in a business when it is not profitable.

"Hence, the government

should re-evaluate the price control strategy that responds to the current market conditions, and be daring enough to do the right thing as opposed to being popular," he told the *New Straits Times*.

On Tuesday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said five papers were tabled at a Naccol meeting on Oct 3 to discuss measures to alleviate the cost of living burden faced by the people.

He said among the issues discussed were the price of whole chicken and eggs, as well as the possible disruption of the sugar supply.

He also said the government would ensure transparency in the sale of medicine by implementing a price display mechanism.

Anwar said the Melaka Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and Farmers Organisation Authority were instructed to act more proactively as local white rice distribution agencies, especially in the rural areas, to reduce the difficulties in obtaining rice supplies.

Sukhdave said the council must examine the agricultural policies to ensure that the country was at least 90 per cent self-sustainable in terms of food security.

He said this was because commodities such as sugar showed signs of being on the disruption list despite prices being controlled.

"On the other hand, we talk about imposing a sugar tax. However, we still maintain that it is the lowest in the region.

"Hence, why is the government still imposing a low price on sugar if medical research reveals that excessive consumption of sugar is not healthy?"

Sukhdave said it was high time that the government considered imposing profit margin control on medicine to make it accessible for the low-income group.

"There will come a time when the poor will no longer be able to afford medicine.

"Hence, it is high time that the government seriously considered imposing profit margin controls for medicine." **By Qistina Sallehuddin**



Sukhdave Singh

The rice story

Against the grain

THE Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) is right. While the four interventions announced by the government on Monday are good to minimise short-term problems of rice shortages, they are neither adequate nor sufficient to put an end to the country's grain problem. Here is why. Start with the Agriculture and Food Security Ministry's move to empower the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to distribute local white rice. This assumes that the rice supply problem that Malaysia is facing is one of inadequate distribution. However empowered Fama or any other government agency is, there just isn't enough of the grain to distribute, not just to rural and suburban areas but also urban areas. Hypermarket chains such as Mydin are screaming hoarse that rice bags aren't heading their way. Lost in transition? It was very likely, as one hypermarket owner told this Leader when the rice story was boiling hot. Not that it isn't a big concern now. But still, it doesn't explain the whole story. Neither does the dissection of the rice scarcity issue by some economists. The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) on Tuesday urged the government to break monopolies and facilitate the transition to an open market. True, monopoly is a problem, not just in the rice industry.

...Malaysia must grow more rice to feed its growing population. Thirty-three million mouths mean more rice fields, not more imports.

We are not against breaking monopolies but what we are puzzled about is the complete surrender of economists of a certain stripe that the open market is a panacea for our rice ills. Remove regulations and the market will regulate itself. This is a dream of economists, but often a nightmare for consumers. There isn't a country in the world where the market is "free". Is IDEAS redirecting the cause of the issue at hand? We surely think so. Let's not rely too much on textbook economics, where supply and demand are said to be in equilibrium when the market is open.

The real world is not an economics textbook. Let's get real. How real? India's export ban on rice is a good example. The market — open or closed — just can't handle interventions such as this. From the point of view of New Delhi, export ban on rice is valid because its priority is to keep its people fed before feeding others. We would do the same. There is only one solution to Malaysia's rice problem. It must grow more rice. As it is, all the rice fields put together produce only 60 to 70 per cent of Malaysia's needs. Some say that at times, supply can hit lower than that.

Consider another "drastic" measure: the establishment of the Special Task Force for the Enforcement of White Rice Operations. This ropes in a few agencies under one enforcement roof. The hope is to maintain control of padi and rice as the ministry announced on Monday. But if there is not enough padi coming out of the farm, there will still be a scarcity of local white rice. Malaysia must grow more rice. Not that we don't have land. There is plenty, but it is left idle. Sure, not all the idle land is ideal for rice cultivation. But with the help of technology, the productivity of such land can be improved. The point of all this is this: Malaysia must grow more rice to feed its growing population. Thirty-three million mouths mean more rice fields, not more imports.

'Asean rice exporters must prioritise us'

KUALA LUMPUR: Malaysia is expected to urge Asean's main rice supplier nations to give priority to exporting the staple food to member countries at the 45th Asean Ministers' Meeting on Agriculture and Forestry (AMAF).

Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin said the matter would be raised during the AMAF to be held here.

"Perhaps, at the bilateral sessions, we will raise it just like how we want to further strengthen ties, so that priority is given to exporting rice to Asean countries.

"Discussions may be held with either Thailand or Vietnam," he told reporters after representing Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu during the event's launch yesterday, *Bernama* reported.

Commenting on the White Rice Integrated Operations, Chan said comprehensive inspections at all levels of the padi and rice industry chain would begin at any time.

On Tuesday, Mohamad, when launching the operation, said it would involve padi and rice regulatory bodies, the ministry, police, Customs Department, and Malaysian Quarantine and Inspection Service Department.

Earlier in his remarks, Chan said the sustainability of agricultural and forestry sectors – vital to the livelihoods of millions of people in Asean – faces imminent threats from climate change, overfishing, unsustainable agricultural practices and food wastage.

Mat Sabu: Fish from Japan safe to consume

KUALA LUMPUR: There are no restrictions in the import of agricultural and fish products from Japan, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the Health Ministry always monitors food safety – including conducting radiation inspections – and confirmed that fish products imported from Japan were safe for consumption.

"However, we rate all fish products from Japan at level four, the level we pay the most attention to. So eat any fish products that come from Japan, they are safe," he said after a bilateral meeting with Japanese Agriculture, Forestry and Fisheries Minister Miyashita Ichiro here yesterday, *Bernama* reported.

Previously, several countries had raised concerns after Tokyo dumped processed radioactive water from the Fukushima nuclear power plant into the Pacific Ocean.

The action prompted China, Hong Kong and North Korea to take immediate action to restrict marine products from Japan.

Pelik bila bekalan beras tempatan kurang

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

KUALA TERENGGANU: Kerajaan digesa bertindak tegas mencari punca kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran.

Menurut Naib Presiden PAS, Datuk Idris Ahmad, kesukaran untuk rakyat memperoleh beras tempatan agak pelik kerana jumlah pengeluaran dari negara ini lebih banyak berbanding import.

"Isu kekurangan beras ini agak pelik, negara kita 65 peratus pengeluaran tempatan dan 35 peratus daripada import tiba-tiba yang adanya import yang sedikit, yang banyak tidak ada.

"Ini satu perkara yang agak pelik berlaku di dalam negara kita," katanya kepada *Harakah*, pada Selasa.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Serai kesal dengan apa yang berlaku kerana menurutnya, beras merupakan makanan ruji orang Malaysia tidak kira bangsa.

"Oleh itu kita minta supaya pihak kerajaan perlu memastikan di mana keberadaan beras tempatan sebanyak 65 peratus itu.

"Saya tidak fikir orang yang duduk di Kuala Lumpur, Klang, Gom-



Datuk Idris Ahmad

bak, Johor Bharu, di tempat saya yang merupakan jelapang padi negara, dan jelapang padi negeri Perak tiba-tiba tidak ada beras tempatan, bukankah itu pelik.

"Itu satu benda yang agak misteri, justeru itu pihak kerajaan yang ada kuasa, penguatkuasa perlu mencari (beras) ini sehingga ke lubang cacing untuk nak pastikan supaya taikun besar ini diambil tindakan," katanya.

Dalam masa sama, kata beliau, kerajaan perlu tegas untuk memastikan pengilang yang membeli padi daripada pesawah tidak menyorokkan bekalan beras sebagaimana terjadi kenaikan harga ayam dahulu.

"Kalau dulu kita tengok dalam hal yang membabitkan ayam, walaupun ayam ketika itu di negara kita ini dari segi tahap sara diri (SSL) memang kita melebihi tapi tiba-tiba dia (tauke) kata ayam tidak cukup dan sebagainya menyebabkan mereka menaikkan harga barang, ayam.

"Saya masih ingat lagi waktu itu kabinet zaman Dato' Seri Ismail Sabri telah membuat satu keputusan yang drastik iaitu kita telah menghalang daripada ayam itu diekspor.

"Waktu itu kita dapat lihat bagaimana tauke-tauke ayam merayu supaya jangan sekat ayam itu diekspor kerana mereka tahu untungnya mereka eksport ayam keluar berbanding dengan mereka jual di dalam negara.

"Itu contoh bagaimana campur tangan kerajaan untuk memastikan supaya kestabilan harga itu kuncup," katanya.

Justeru itu, beliau mencadangkan agar kerajaan membuat serbuan mengejut ke kilang beras putih tempatan.

"(Kerajaan) perlu untuk buat serbuan mengejut ajak penguatkuasa yang ada untuk ke kilang-kilang yang ada hari ini.

"Mana beras yang

kamu beli daripada pesawah, tiba-tiba tidak ada, kalau mereka tidak bersikap (baik) tarik lesen mereka, ambil tindakan," katanya.

Dalam pada itu, kata Idris, aduan ketiadaan beras akan tertuju kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu, bagaimanapun ia tidak menjamin masalah akan selesai.

"Tidak boleh kita kata tidak ada beras bagitahu menteri, boleh dihantar walaupun tidak dihantar (beras) di tempat saya. Walaupun saya sudah maklumkan.

"Kalau pun hantar sek-alipun, ia tidak boleh boleh menyelesaikan secara jangka panjang. Jadi perlu selesaikan dari sudut kenapa beras tempatan hari ini tidak ada," kata beliau.

Beliau turut meluahkan rasa hairan apabila jualan rahmah dibuat di beberapa tempat sahaja.

"Bagus jualan itu dibuat tetapi apakah tempat itu sahaja, sekarang sibuk buat di Pelangai, tidak ada masalah tetapi masalah yang berlaku kecukupan beras tempatan ini bukan di Pelangai sahaja, seluruh negara ini yang perlu diambil berat oleh kerajaan," katanya.

Kerajaan Madani gagal tangani isu keperluan asas rakyat

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Madani dilihat gagal dalam menangani isu keperluan asas rakyat khususnya beras.

Timbalan Presiden PAS, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, status ketidakcukupan beras tempatan di negara ini menjadi tanda tanya dalam kalangan rakyat.

"Apa yang menteri buat, rakyat ingin tahu apa sebenarnya berlaku.

"Kenapa tiba-tiba bekalan beras tempatan tiada dalam pasaran sedangkan pengeluaran beras tempatan berjalan se-

bagaimana biasa.

"Ianya telah berlaku beberapa bulan.

Seolah-olah kerajaan tiada idea untuk mengatasi (kekurangan beras tempatan), sedang rakyat dipaksa membeli beras import yang mahal," katanya.

Beliau berkata, hal yang sama turut berlaku kepada bekalan lain seperti telur, gula dan lain-lain barangan keperluan harian.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),

Fuziah Salleh melancarkan Program Jualan Rahmah Beras yang menawarkan beras import dengan sasaran agihan kepada golongan memerlukan.

Program tersebut mensasarkan agihan beras import kepada kawasan B40, perumahan kos rendah dan Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan harga yang lebih rendah, iaitu RM13 hingga RM14 setiap kampak lima kilogram (kg).

Tuan Ibrahim menyifatkan Program Jua-



Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man

lan Rahmah Beras adalah langkah dangkal kerajaan bagi menutup kegagalan menyelesaikan masalah yang ada.

Sambung muka 3 >>

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2023	HARAKAH	PERIKATAN NASIONAL	H14

Isu beras permulaan krisis makanan lebih besar

KUALA LUMPUR: Rakyat terpaksa beratur panjang untuk membeli beras di lokasi-lokasi jualan yang diusahakan FAMA tidak pernah berlaku sebelum ini.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, isu kekurangan beras putih tempatan masih belum selesai dalam tempoh begitu lama.

Katanya rakyat masih merungut kesukaran untuk membeli beras tempatan di kedai-kedai runcit dan pasaraya.

Kata beliau perkembangan tersebut amat membimbangkan memandangkan beras makanan ruji rakyat.

Menurut Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2018-2022 Malaysia memerlukan 2.68 juta tan beras setahun. Daripada jumlah ini, 1.11 juta tan adalah beras yang diimport.

"Ini bermakna sekitar 40 peratus bekalan beras di negara kita bergantung kepada import beras dari Thailand, Vietnam,



Muhyiddin Yassin.

Pakistan dan India.

"Masalah bekalan beras lebih meruncing apabila negara pengeluar beras mengenakan sekatan eksport beras," katanya pada kenyataan.

Menurutnya situasi tersebut menyebabkan Malaysia sentiasa terdedah kepada risiko kekurangan bekalan dan ketidakstabilan harga beras.

Selain itu kata beliau pengeluaran beras dalam negara juga semakin merosot di mana pada tahun 2021, Malaysia mengeluarkan 1.68 juta tan beras.

Namun merosot kepada 1.57 juta tan pada tahun 2022.

"Kerajaan mesti memandang serius masalah terbabit. Ia mungkin permulaan kepada suatu krisis yang lebih besar pada masa hadapan.

"Kita tahu perubahan iklim dunia menyebabkan kemarau dan banjir di banyak negara yang menjejaskan pengeluaran bahan makanan termasuk beras.

"Kekurangan pengeluaran bahan makanan di negara-negara yang terjejas dengan perubahan iklim akan menjejaskan bekalan makanan di neg-

ara kita," tambahnya.

Oleh itu beliau menggesa kerajaan mengemukakan pelan tindakan komprehensif untuk mengatasi masalah bekalan beras tempatan.

Menurutnya tindakan penguatkuasaan lebih ketat dan menyeluruh perlu untuk memastikan tidak ada pihak memanipulasi rantaian bekalan beras tempatan.

"Tindakan secara *ad-hoc* seperti yang diambil kerajaan tidak memadai untuk menjamin bekalan makanan sentiasa mencukupi dan boleh dibeli pada harga yang berpatutan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2023	KOSMO	NEGARA	17

Padah guna nelayan Myanmar

BAGAN SERAI – Tindakan pemilik dua buah bot menggaji lima lelaki Myanmar untuk menjadi nelayan mengundang padah apabila ditahan sepasukan penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) di Kilometer 18, barat daya muara Kuala Kurau di sini Isnin lalu.

Kesemua nelayan itu diberkas antara pukul 5.10 hingga 5.25 petang selepas didapati dalam keadaan mencurigakan ketika dirapati bot APMM.

Pengarah Zon Maritim Kuala

Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, pemeriksaan di bot pertama menemui tiga nelayan Myanmar termasuk tekong.

"Pemeriksaan bot kedua pula menemui empat nelayan termasuk tekong dan dua warga Myanmar.

"Kesemua nelayan berusia antara 13 hingga 41 tahun dan lima lelaki Myanmar itu mempunyai kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Untuk Pelarian," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Najhan, kedua-dua bot itu mempunyai lesen, namun tidak mempunyai kebenaran menggunakan nelayan asing.

Kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1969/63 dan Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu bot tidak diusahakan sendiri oleh pemilik serta tiada kebenaran penggunaan kru warga asing yang sah.



SALAH sebuah bot rakyat tempatan yang disita kerana menggaji lelaki Myanmar sebagai nelayan di Batu Kurau, Isnin lalu.

Headline	Three fishermen awarded for protecting turtle eggs, rescuing dolphins in Labuan		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	05 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	151 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 842
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,526



Three fishermen awarded for protecting turtle eggs, rescuing dolphins in Labuan

LABUAN: Three local fishermen were awarded a Certificate of Appreciation by the Fisheries Department of Labuan for protecting turtle eggs and rescuing dolphins on the shores of Labuan, on Wednesday.

Two of them, Sahary Abd Halim and Ely Madi, were about to embark on a fishing trip at Kampung Sungai Labu coastline when they stumbled upon a lizard digging a hole in the sandy beach late afternoon on Sept 23.

Curiosity piqued, they decided to investigate further and were astonished to find a clutch of turtle eggs inside the hole.

Recognising the importance of their find, Sahary and Ely wasted no time and promptly alerted the Fisheries Department of Labuan.

Thanks to their swift action, a total of 106 eggs belonging to the critically endangered Hawksbill sea turtle were unearthed from the beach and immediately transferred to the Pulau Rusukan Turtle Hatchery Centre.

Another fisherman, Osman Khamis, on the other hand, was



(From left) Sahary, Osman and Ely showing their certificates of appreciation from Labuan Fisheries Department for their commitment and contribution to protect aquatic marine life at the department office on Wednesday. — Bernama photo

going about his usual morning fishing routine at Layangan Beach on May 15 when he heard unusual sounds and found four dolphins stranded in shallow waters.

Osman acted swiftly, successfully rescuing the stranded dolphins by guiding them back to deeper waters.

Unfortunately, one of the dolphins did not survive the ordeal.

Labuan Fisheries Department

director Faizal Ibrahim Suhaili said the Certificate of Appreciation serves as a token of gratitude for their dedication to wildlife conservation and their role in safeguarding the future of the Hawksbill sea turtle population and the dolphins.

"Their efforts serve as a testament to the fact that every individual can contribute to the preservation of our natural world," he said. — Bernama

Headline	Trio awarded for protecting turtles, rescuing dolphins		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	05 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 310
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 930



Trio awarded for protecting turtles, rescuing dolphins

LABUAN: Three local fishermen were awarded a Certificate of Appreciation by the Fisheries Department of Labuan for protecting turtle eggs and rescuing dolphins on the shores of Labuan, Wednesday.

Two of them, Sahary Abd Halim and Elly Madi, were about to embark on a fishing trip at Kampung Sungai Labu coastline when they stumbled upon a lizard digging a hole in the sandy beach late afternoon on Sept 23.

Curiosity piqued, they decided to investigate further and were astonished to find a clutch of turtle eggs inside the hole.

Recognising the importance of their find, Sahary and Elly wasted no time and promptly alerted the Fisheries Department of Labuan.

Thanks to their swift action, a total of 106 eggs belonging to the critically endangered Hawksbill sea turtle were unearthed from the beach and immedi-

ately transferred to the Pulau Rusukan Turtle Hatchery Centre.

Another fisherman, Osman Khamis, on the other hand, was going about his usual morning fishing routine at Layangan Beach on May 15 when he heard unusual sounds and found four dolphins stranded in shallow waters.

Osman acted swiftly, successfully rescuing the stranded dolphins by guiding them back to deeper waters.

Unfortunately, one of the dolphins did not survive the ordeal.

Labuan Fisheries Department Director Faizal Ibrahim Suhaili said the Certificate of Appreciation serves as a token of gratitude for their dedication to wildlife conservation and their role in safeguarding the future of the Hawksbill sea turtle population and the dolphins.

"Their efforts serve as a testament to the fact that every individual can contribute to the preservation of our natural world," he said.

TANGANI ISU KETERJAMINAN MAKANAN

Nafas komited fokus tingkat keluaran padi

Oleh Ilah Hafiz Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menggesa kerajaan untuk memberi lebih perhatian dalam industri pertanian sebagai satu daripada jentera pertumbuhan utama ekonomi negara.

Pengurus Besar Nafas, Muhammad Faris Arrifin berkata, seramai sejuta ahli peladang kini bersedia membantu kerajaan dalam usaha menangani isu keterjaminan makanan.

Beliau berkata, Nafas sebagai satu daripada entiti

yang berpengalaman luas dalam sektor pertanian, terutama subsektor input pertanian, sentiasa bersedia dan komited dalam mendokong dasar dan agenda kerajaan.

Ia terutama dalam agenda keterjaminan makanan serta mengurangkan ketergantungan sumber import.

Katanya, sebagai satu daripada rakan kerjasama kerajaan, Nafas juga sedia berkhidmat dalam menangani kebimbangan rakyat, lebih-lebih lagi dalam isu kecukupan tahap bekalan makanan, terutama makanan asas seperti beras.

"Nafas dalam industri

pembuatan baja sedang memberi tumpuan bagi meningkatkan hasil keluaran padi negara melalui kerjasama dengan beberapa agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Jabatan Pertanian, institusi pendidikan dan pihak berkepentingan.

"Ia bagi menghasilkan formulasi baja baharu yang ditambah baik bersama unsur organik dan prebiotik (unsur tambahan) yang memberi manfaat kepada pesawah untuk meningkatkan keberkesanan baja dan pemulihan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman.

"Nafas juga melancarkan

kempen *Zero Late Delivery* meliputi strategi koordinasi pelbagai peringkat rantaian sumber termasuk perolehan, pembuatan, logistik, pengedaran dan pemantauan sebagai inisiatif untuk mengelakkan kelewatan pembekalan dan pengedaran baja.

"Melalui rangkaian Pertubuhan Peladang di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan agensi yang berkaitan untuk keterlibatan secara langsung dalam proses pengeluaran dan pembekalan Benih Padi Sah yang berkualiti, mencukupi dan tepat pada masa kepada pesawah," katanya pada kenyataan, semalam.

Diberi kepercayaan terlibat dalam pembuatan, pembekalan baja kepada pesawah

Oleh AISYAH
BASARUDDIN
SHAH ALAM

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berharap terus diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk terlibat dalam industri pembuatan dan pembekalan baja bersubsidi kepada golongan pesawah di negara ini dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober nanti.

Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Ariffin berkata, selain memiliki kilang pemrosesan baja di Gurun, Kedah dengan kapasiti pengeluaran mencecah 360,000 tan setahun, NAFAS juga mempunyai pelan strategik menangani isu kelewatan pembekalan baja subsidi

yang diberi perhatian serius oleh kerajaan sebelum ini.

Menurutnya, tempoh penghantaran baja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ditangani melalui pelaksanaan inisiatif Zero Late Delivery, satu langkah proaktif ke arah mentransformasikan pergerakan antaranya agar stok baja tersedia terus dihantar ke tempat berkenaan.

"Bagi memastikan keterjaminan makanan dalam aspek pembuatan dan pembekalan baja bersubsidi berlangsung secara holistik, kami berharap NAFAS terus diberi kepercayaan sebagai 'rakan penyelesaian' kepada kerajaan.

"Dengan pengalaman lebih




MUHAMMAD FARIS

40 tahun dalam aktiviti pembuatan dan pembekalan baja bersubsidi kepada pesawah, kita harap terus dapat berperanan dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran padi melalui bekalan bantuan input pertanian berkualiti, mencukupi dan sampai mengikut jadual petani oleh pesawah,"

katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Muhammad Faris menjelaskan, pihaknya turut berharap mendapat tambahan peruntukan untuk Bantuan Subsidi Racun kepada pesawah daripada RM200 per hektar ke RM500 per hektar yang melibatkan anggaran

NAFAS mahu terus jadi 'rakan penyelesaian'



NAFAS berpengalaman lebih 40 tahun dalam pembuatan dan pembekalan baja bersubsidi kepada pesawah.

daripada RM120 juta ke RM300 juta.

Ujarnya, tambahan peruntukan tersebut diharap dapat memberi manfaat kepada pesawah dalam mengurangkan kos belian racun di pasaran luar dengan

harga lebih tinggi, penambahan kuantiti dan pilihan racun lain berbanding pilihan semasa serta dapat mengurangkan belian racun tiruan atau yang tidak mendapat kelulusan Lembaga Racun Malaysia.

NAFAS minta pesawah dinaikkan kepada pesawah subsidi

PETALING JAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) meminta kerajaan menaikkan subsidi racun kepada pesawah daripada RM200 kepada RM500 per hektar melibatkan tambahan peruntukan daripada RM120 juta kepada RM300 juta dalam Belanjawan 224 minggu depan.

Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin berkata, kenaikan subsidi itu akan memberi manfaat kepada pesawah dalam mengurangkan kos belian racun di pasaran luar, penambahan kuantiti dan pilihan racun, selain mengurangkan belian racuan tiruan.

Beliau berkata, NAFAS turut meminta peruntukan tambahan daripada RM20 juta kepada RM500 juta bagi kawasan pengapuran sekitar 18,000 hektar ke 50,000 hektar.

Katanya, tambahan keluasan kawasan pengapuran dapat memendekkan pusingan pengapuran daripada 16 tahun ke 8 tahun (secara berperingkat) supaya kawasan tersebut sentiasa berada dalam pH yang optimum.



“NAFAS turut berharap peruntukan tambahan bagi penyediaan infrastruktur yang melibatkan kawasan tanam luar jelapang yang mengalami isu pengauran dan, perparitan dan menaiktaraf infrastruktur sedia ada bagi kawasan jelapang padi,” katanya dalam kenyataan.

Menurut Muhammad Faris, pengurusan selenggaraan saliran pertanian yang berterusan terutamanya perparitan untuk tanaman dan keperluan pertanian dipertingkatkan bagi mengelakkan isu banjir berlaku yang mengakibatkan kerosakan seterusnya pengurangan hasil pengeluaran pesawah.

Selain itu, implementasi insentif atau pengecualian cukai pendapatan ke atas perbelanjaan modal dapat dilaksanakan untuk memperluas dan memperkasa



MUHAMMAD FARIS ARRIFIN

penerimgunaan jentera fit-for-purpose untuk mengurangkan isu padi tumpah serta menggalakkan aplikasi pelbagai teknologi moden dan transformasi digital dalam sektor pertanian.

“NAFAS yang mewakili hampir 1 juta ahli peladang akan bersama-sama dengan kerajaan dalam merealisasikan dasar kerajaan ke arah menjamin keterjaminan makanan negara,” katanya.

Muhammad Faris berkata, sebagai entiti yang berpengalaman luas dalam sektor pertanian terutamanya subsektor input pertanian, NAFAS sentiasa bersedia dan komited mendukung dasar

dan agenda kerajaan terutama dalam agenda keterjaminan makanan serta mengurangkan ketergantungan sumber import.

Malah kata beliau, sebagai rakan kerjasama (*solution partner*) kerajaan, NAFAS seiring dalam memastikan hasrat kerajaan dapat direalisasikan dalam menangani kebimbangan rakyat lebih lagi mengenai kecukupan bekalan makanan terutama makanan asas seperti beras.

Katanya, dalam industri pembuatan baja, NAFAS sedang memberi tumpuan bagi meningkatkan hasil keluaran padi negara melalui kerjasama dengan beberapa agensi seperti MAR-DI, Jabatan Pertanian, institusi pendidikan dan pihak-pihak berkepentingan dalam menghasilkan formula baja baharu.

Untuk memastikan penyuluhan input pertanian subsidi sampai kepada pesawah mengikut jadual penanaman, NAFAS tambah beliau, telah melancarkan kempen *Zero Late Delivery* meliputi strategi koordinasi pelbagai peringkat rantaian sumber.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/10/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

SC, Kementerian Pertanian tubuh Jawatankuasa Pemandu bantu usahawan tani



Awang Adek berkata, syarikat pemula niaga dan PMKS adalah tulang belakang ekonomi Malaysia, oleh itu, penting untuk menyokong pertumbuhan mereka bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menubuhkan Jawatankuasa Pemandu

Pembiayaan-Tani Inovasi Malaysia (MIAF) untuk membantu usahawan tani berkembang dan menyokong keterjaminan makanan negara.

Pengerusi SC Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin berkata jawatankuasa pemandu itu adalah inisiatif kerjasama yang melibatkan KPKM, Agrobank, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia dan SC.

"Jawatankuasa itu menyasar untuk memanfaatkan kepakaran dan sumber ahlinya untuk meningkatkan pemahaman dan penerimgunaan pembiayaan dan teknologi alternatif sektor pertanian serta membantu pertumbuhan perniagaan tani yang bersedia menerima pelaburan.

"Insya-Allah, kita akan mencapai objektif ini kerana dengan bekerjasama, kita boleh memacu perubahan positif dan memperkasa usahawan tani untuk berkembang maju dalam industri mereka," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada program Jelajah SCxSC GROW dan Persidangan Perbadanan Bioekonomi, di sini, pada Rabu.

Awang Adek berkata sejak dimulakan pada 2015, kurang tujuh peratus daripada dana yang diperoleh melalui platform pemberian pinjaman pendanaan awam ekuiti (ECF) dan pinjaman rakan setara (P2P) disalurkan ke perniagaan berkaitan pertanian.

"Oleh itu, terdapat peluang besar bagi perniagaan tani untuk memanfaatkan kaedah pembiayaan alternatif ini untuk membantu menyokong keterjaminan makanan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, syarikat pemula niaga dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia, oleh itu, penting untuk menyokong pertumbuhan mereka bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Menurutnya, selain sokongan kewangan, akses pasaran dan perkongsian juga penting bagi pertumbuhan mampan.

Di pasaran swasta, Awang Adek berkata, SC telah berusaha untuk membangunkan rangka kerja kawal selia yang merangkumi insentif untuk memastikan pengurus modal teroka (VC) dan ekuiti persendirian (PE) mampu menyokong PKS merentasi pelbagai sektor.

Beliau menjelaskan syarikat modal teroka dan ekuiti persendirian bukan sahaja menyediakan pembiayaan tetapi juga menyokong usahawan dalam usaha pembangunan perniagaan mereka.

"Ini bagi memastikan usahawan tani mendapat sokongan kewangan dan pengetahuan perniagaan yang mereka perlukan untuk mengembangkan perniagaan mereka," katanya.

Sementara itu, saluran pengumpulan dana pasaran swasta lain seperti pembiayaan ECF dan P2P membolehkan pelabur menyalurkan modal secara terus kepada usahawan tani dan menyediakan lebih banyak pilihan kepada syarikat pertumbuhan tinggi untuk mengakses modal.

Pada 2022, segmen pasaran swasta menyaksikan pertumbuhan ketara, dengan gabungan pelaburan berjumlah RM3 bilion daripada pembiayaan modal teroka/ekuiti persendirian, ECF dan P2P.

Selain itu, katanya, pembiayaan ECF dan P2P terus berkembang dengan lebih daripada RM4.4 bilion dikumpul sejak dimulakan pada 2015, memanfaatkan lebih 7,200 PMKS, dengan 26 kali lebih banyak pembiayaan bagi sektor pertanian pada 2022.

Untuk meningkatkan penyertaan dalam pasaran swasta, Awang Adek berkata, cabang promosi SC, Capital Markets Malaysia (CMM) telah menjalankan beberapa siri program untuk mempromosikan modal teroka korporat (CVC) yang bertujuan menyediakan pilihan amalan dan praktikal terbaik kepada eksekutif korporat daripada syarikat berhad swasta Malaysia agar mereka dapat melaksanakan lebih banyak libat urus dengan syarikat pemula niaga di Malaysia.

Beliau berkata CVC mencipta peluang untuk perkongsian pengetahuan, pengumpulan sumber dan pemindahan teknologi yang seterusnya menyumbang kepada keseluruhan pembangunan ekosistem syarikat pemula niaga di negara ini.

Mengenai Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF), Awang Adek berkata program itu telah melabur dalam lebih daripada 3,600 PMKS, dengan dana berjumlah RM638 juta, sehingga akhir Disember 2022.

"MyCIF melancarkan inisiatif khas untuk melabur dalam perusahaan berasaskan pertanian yang mana kerajaan akan memadankan separuh daripada setiap ringgit yang dilaburkan ke dalam perniagaan tani.

"Hasil daripada inisiatif ini, pelaburan MyCIF dalam perniagaan tani meningkat hampir sembilan kali ganda daripada hanya RM725,000 pada 2021 kepada RM6.4 juta pada 2022," katanya.

-- BERNAMA

Jawatankuasa pemandu bantu usahawan tani

Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pembiayaan-Tani Inovasi Malaysia (MIAF) untuk membantu usahawan tani berkembang dan menyokong keterjaminan makanan negara.

Pengerusi SC, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin, berkata jawatankuasa pemandu itu adalah inisiatif kerjasama yang memabatkan KPKM, Agrobank, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia dan SC.

"Jawatankuasa itu menyasar untuk memanfaatkan kepakaran dan sumber ahlinya untuk meningkatkan pemahaman dan perimagination pembiayaan dan teknologi alternatif sektor pertanian serta membantu pertumbu-

han perniagaan tani yang bersedia menerima pelaburan.

"Insya-Allah, kita akan mencapai objektif ini kerana dengan bekerjasama, kita boleh memacu perubahan positif dan memperkasa usahawan tani berkembang maju dalam industri mereka," katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada program Jelajah SCx SC GROW dan Persidangan Perbadanan Bioekonomi, di Kuala Lumpur, semalam.

Awang Adek berkata, sejak dimulakan pada 2015, kurang tujuh peratus dana diperoleh melalui platform pemberian pinjaman pendanaan awam ekuiti

(ECF) dan pinjaman rakan setara (P2P) disalurkan ke perniagaan berkaitan pertanian.

"Oleh itu, ada peluang besar bagi perniagaan tani untuk memanfaatkan kaedah pembiayaan alternatif ini untuk membantu menyokong keterjaminan makanan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, syarikat permula niaga dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) adalah tulang belakang ekonomi Malaysia, oleh itu, penting untuk menyokong pertumbuhan mereka bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Menurutnya, selain sokongan

keuangan, akses pasaran dan perkongsian juga penting bagi pertumbuhan mampan.

Di pasaran swasta, Awang Adek berkata, SC berusaha membangunkan rangka kerja kawal selia yang merangkumi insentif untuk memastikan pengurus modal teroka (VC) dan ekuiti persendirian (PE) mampu menyokong PKS merentasi pelbagai sektor.

Beliau menjelaskan, syarikat modal teroka dan ekuiti persendirian bukan sahaja menyediakan pembiayaan, tetapi juga menyokong usahawan dalam usaha pembangunan perniagaan mereka.

"Ini bagi memastikan usahawan tani mendapat sokongan kewangan dan pengetahuan perniagaan yang mereka perlukan untuk mengembangkan perniagaan mereka," katanya. BERNAMA



Awang Adek Hussin

Krisis iklim bakal menelan makanan



PERSPEKTIF

AHMAD SHAUQI JOHARA

Meskipun India merupakan negara pengeksport beras terbesar di dunia, mereka terpaksa melarang aktiviti eksport beras putih bukan Basmati pada Julai lalu gara-gara kenaikan harga makanan domestik, kadar inflasi yang tinggi serta kebimbangan dilanda fenomena El Nino. Langkah ini mengakibatkan bekalan beras global terkesan, termasuk Malaysia.

Sebagai makanan ruji bagi kebanyakan rakyat, penghasilan dan perolehan beras yang mencukupi serta stabil hendaklah dinilai sebagai salah satu elemen terpenting dalam ketertahanan makanan negara kerana kedudukan Malaysia di Asia Tenggara menjadikan kita antara rantau yang paling terdedah dengan impak perubahan iklim.

Satu kajian daripada Institut Kajian Ekonomi Taipei ada menggariskan em-

pat komponen yang menjadi tonggak kepada ekosistem ketertahanan makanan iaitu ketersediaan makanan, akses kepada makanan, kestabilan bekalan makanan dan penggunaan makanan. Komponen ketersediaan makanan perlu didahulukan sebelum membicarakan komponen lain. Dengan unjuran penduduk yang bakal meningkat kepada 40.7 juta orang pada tahun 2040, Malaysia perlu menambah keluasan tanah pertanian menjadi 1.5 juta hektar berbanding 817,000 hektar sekarang bagi tujuan tanaman makanan, penanaman dan perikanan.

Indikator utama seperti indeks harga pengguna boleh digunakan bagi menilai perubahan harga kumpulan utama barangan dan perkhidmatan termasuk makanan. Ketertahanan makanan juga bermakna ia mesti diuruskan dengan bersih dan diambil dalam kuantiti zat yang diperlukan. Namun kita tidak boleh berhenti setakat itu sahaja kerana krisis iklim yang semakin ganas memerlukan sinergi antara penggubal dasar, agensi kerajaan dengan kumpulan petani untuk bertindak seiringan. Ancaman perubahan iklim ini sedang memangsakan sektor pertanian dan tahap ketertahanan makanan kita melalui tiga senario: (1)

mengubah persekitaran yang ideal untuk tanaman tumbuh; (2) merosotkan taraf hidup para petani; dan (3) menyusutkan kualiti produk tani.

Peningkatan karbon dioksida (CO2) dalam atmosfera kita tidak pernah berjaya diperlahankan sejak era Revolusi Industri. Kesan peningkatan ini bersamasama gas rumah hijau lain telah merangkap lebih banyak haba sekali gus meningkatkan suhu global dan mengakibatkan kemarau berterusan dan peningkatan paras air laut.

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) pada Mei lalu mencatatkan kerugian lebih RM2.7 juta kerana hasil padi di Kelantan menurun hampir 30 peratus akibat musim kemarau. Peningkatan paras air laut juga berpotensi mengancam kawasan lembah delta yang menjadi lokasi pilihan penanaman padi seperti di Delta Mekong, Vietnam.

Menurut laporan khas yang diterbitkan oleh Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC), peningkatan CO2 telah menyebabkan penurunan kandungan zat penting dalam beras seperti protein, zink dan vitamin B.

Negara memerlukan cita-cita nasional bagi menggerakkan fokus, jentera dan kepakaran ke arah ketertahanan

makanan demi generasi mendatang. Sekurang-kurangnya kerajaan pada hari ini boleh menyambut Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 sebagai komitmen yang setara seperti New Industrial Master Plan 2030.

Jika diberi pilihan industri yang perlu diberikan suntikan pelaburan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih agresif, jawapannya ialah industri pertanian. Antara inovasi yang perlu diberikan perhatian adalah seperti benih yang mampu berdaya tahan dalam cuaca ekstrem dan automasi pengurusan ladang.

Pemain industri turut boleh meneroka amalan 'regenerative agriculture' yang menumpukan praktis pertanian yang lestari berdasarkan beberapa prinsip seperti pemeliharaan kesuburan tanah, kepelbagaian biodiversiti dan penyerapan karbon. Langkah ini dapat menjamin kelangsungan jangka hayat kawasan pertanian yang semakin tenat.

Pandemik yang lalu sudah mengajar kita apa yang akan berlaku jika sumber makanan menjadi terhad. Jangan biarkan krisis iklim pula menelan makanan kita!

* Ahmad Shauqi Johara adalah dari Yayasan Strategik Lestari

PERTANIAN DARIPADA KACA MATA ISLAM

Aktiviti bertani boleh dekatkan diri kepada Allah



By: Mohd Rizal Arman Rifin

Apakah aktiviti bertani, secara langsung, secara tidak langsung, bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah. Bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah. Bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah.



Sejarah perkembangan Islam menunjukkan bahawa Muslimah yang merintis kepada pencipta pelbagai teknologi untuk memanfaatkan petani.



AL-QURAN telah mencetuskan kepertanian sebagai pertanian untuk umat manusia.

menyebabkan kita kepada ketidaktahuan terhadap kesesuaian Allah. Allah telah memberi petunjuk kepada kita untuk bertani. Bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah. Bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah.

menyebabkan kita kepada ketidaktahuan terhadap kesesuaian Allah. Allah telah memberi petunjuk kepada kita untuk bertani. Bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah. Bertani adalah satu aktiviti yang membawa kepada kedekatan diri kepada Allah.

Menariknya, hasil fikiran Ibnu Al-Awam ini turut mempengaruhi perkembangan pertanian yang lebih moden bagi kaum muslimin. Beliau menerangkan bahawa apabila Ibnu Al-Awam itu pergi berlayar ke Eropah dan melihat bagaimana orang-orang di sana bertani, beliau terkejut kerana mereka menggunakan alat-alat pertanian yang lebih maju dan efisien.

Menariknya, hasil fikiran Ibnu Al-Awam ini turut mempengaruhi perkembangan pertanian yang lebih moden bagi kaum muslimin. Beliau menerangkan bahawa apabila Ibnu Al-Awam itu pergi berlayar ke Eropah dan melihat bagaimana orang-orang di sana bertani, beliau terkejut kerana mereka menggunakan alat-alat pertanian yang lebih maju dan efisien.

Muslimah yang merintis kepada penciptaan pelbagai teknologi pertanian untuk kepertanian petani. Muslimah yang merintis kepada penciptaan pelbagai teknologi pertanian untuk kepertanian petani. Muslimah yang merintis kepada penciptaan pelbagai teknologi pertanian untuk kepertanian petani.

Muslimah yang merintis kepada penciptaan pelbagai teknologi pertanian untuk kepertanian petani. Muslimah yang merintis kepada penciptaan pelbagai teknologi pertanian untuk kepertanian petani. Muslimah yang merintis kepada penciptaan pelbagai teknologi pertanian untuk kepertanian petani.

Sebagai Islam, kita haruslah mengambil iktibar dari kisah-kisah ini. Kita haruslah berusaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian kita dengan menggunakan teknologi yang lebih maju dan efisien. Kita haruslah berusaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian kita dengan menggunakan teknologi yang lebih maju dan efisien.

Sebagai Islam, kita haruslah mengambil iktibar dari kisah-kisah ini. Kita haruslah berusaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian kita dengan menggunakan teknologi yang lebih maju dan efisien. Kita haruslah berusaha untuk meningkatkan produktiviti pertanian kita dengan menggunakan teknologi yang lebih maju dan efisien.

Penulis Penceramah Kanan Politetnik Masjid Zam Zam Kuala Lumpur, Kuala Lumpur.